

Kesejajaran Matlamat Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Suatu Penelitian Awal

Muhammad Zarif Hassan@Zulkifli*, Mohd. Zariat Abdul Rani, Salmah Jan Noor Muhammad & Ab. Halim Mohamad

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Perumusan dan pengenalan pernyataan Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dapat dianggap sebagai langkah awal daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadikan matlamat mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) lebih jelas dan terarah. Walau bagaimanapun, ketiadaan penghuraian FPKM sehingga kini dilihat telah dan akan membangkitkan kekeliruan, lebih-lebih lagi apabila sistem pendidikan negara ditunjangi oleh falsafah pendidikan yang lebih mendasar iaitu Falsafah Pendidikan kebangsaan. Sehubungan itu, makalah ini diusahakan dengan tujuan utama untuk menganalisis kesejajaran matlamat FPKM dengan matlamat FPK. Hasil analisis kajian ini mendapati matlamat utama FPKM sejajar dengan matlamat utama FPK. Kesejajaran ini dikesan menerusi persamaan dua konsep iaitu berilmu dan berakhlak mulia. Namun begitu, analisis kajian ini turut mendapati bahawa kesejajaran ini tidak berlaku secara menyeluruh. Ini dapat dilihat apabila “prinsip Ketuhanan” yang menjadi paksi kepada FPK tidak dijadikan sebagai dasar penting dalam FPKM. Apa yang jelas, ketiadaan “prinsip Ketuhanan” dalam FPKM ini boleh memberi kesan yang signifikan terhadap usaha mencapai matlamat pendidikan negara secara keseluruhannya. Atas kelemahan yang ketara ini, adalah wajar sekiranya perumusan semula terhadap pernyataan FPKM dilakukan segera oleh KPM.

Kata Kunci: Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu, Prinsip Ketuhanan, Insan yang Baik, Insan Bestari, Berilmu, Berakhlak Mulia

ABSTRACT

The formulation and introduction of the Malay Literature Education Philosophy statement can be considered as an initial step by the Malaysian Ministry of Education to make the goals of the Communicative Malay Literature (KMK) subject clearer and more directed. However, the absence of an explanation of FPKM until now is seen to have and will cause confusion, especially when the national education system is supported by a more fundamental philosophy of education which is the National Education Philosophy. Therefore, this paper is undertaken with the main purpose of analyzing the parallel of FPKM goals with FPK. The results of the analysis of this study found that the main goals of FPKM are in line with the main goals of FPK. The alignment of the main goals between these two philosophies is detected through the similarity of two significant concepts which are knowledgeable and noble. However, the analysis of this study also found that this alignment does not occur entirely. This can be seen when the “Divine principle” which the axis of FPK is not used as an important basis in FPKM. Clearly, the absence of “Divine principles” in FPKM has and will have a significant impact on the efforts to achieve the nation's educational goals as a whole. Due to this significant weakness, it is appropriate if the reformulation of the FPKM statement is done immediately by Malaysian Ministry of Education.

Keywords: National Education Philosophy, Malay Literature Education Philosophy, Divine Principles, Good Man, Wise Man, Knowledgeable, Noble

PENGENALAN

Falsafah seringkali dikaitkan dengan kegiatan berfikir, renungan atau penelitian terhadap pelbagai perkara dalam kehidupan. Terdapat sejumlah besar perkara atau jujuk kehidupan yang dapat dijadikan subjek untuk direnung-fikirkan, namun begitu penelitian terhadap perkara mendasar dan terpentinglah yang berupaya menjadikan renungan itu lebih bermakna. Atas pemahaman inilah, antara takrifan falsafah yang diterima secara

*Corresponding author: muzahali@gmail.com
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

umum ialah “suatu usaha berfikir secara rasional dan kritis tentang perkara-perkara paling penting” (E.D. Miller, 1984: 14). Apabila dikaitkan takrifan ini dengan pendidikan, falsafah pendidikan dapat difahami sebagai “segala perkara-perkara penting mengenai pendidikan yang dipegang dan diterapkan melalui kurikulum dan ko-kurikulum adalah hasil daripada usaha rasional, teratur dan kritis yang berakar dalam ilmu pengetahuan” (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2022: 295).

Ditinjau dari sudut kepentingannya pula, falsafah memainkan fungsi cukup signifikan dalam konteks pendidikan. Falsafah menjadi antara dasar yang kukuh kepada pembentukan sistem pendidikan yang lebih sistematik. Selain menjadi asas kepada pembentukan sistem pendidikan, falsafah pendidikan menjadi panduan penting kepada proses pelaksanaan sesuatu sistem pendidikan. Pernyataan falsafah bukan sahaja berupaya menyediakan kerangka bagi pembentukan dasar pendidikan seperti matlamat, kandungan pendidikan, proses pengajaran dan pembelajaran, malah mampu menyediakan prinsip asas kepada segala aktiviti pendidikan yang lebih khusus (A.C., Ornstein & F.P, Hunkins, 2004). Tidak sekadar itu, Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2003: 41) menjelaskan bahawa falsafah pendidikan berperanan sebagai:

“...tumpuan kepada segala idea dan juga pemikiran tentang pendidikan; menjelaskan hala tuju kepada segala usaha untuk memajukan sistem pendidikan; asas atau dasar dalam menentukan matlamat pendidikan; panduan dalam menentukan fokus dan kandungan kurikulum pendidikan; panduan kepada pihak pelaksana dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran; dan sebagai asas serta panduan kepada pembuat dasar pendidikan untuk menentukan corak sistem pendidikan”.

Di Malaysia, segala perumusan dan pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah berteraskan kepada suatu pernyataan falsafah pendidikan yang dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Berdasarkan Undang-Undang Malaysia menerusi *Akta Pendidikan 1996*, pernyataan FPK yang dijadikan sebagai rujukan asas kepada keseluruhan Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah seperti berikut:

DAN BAHAWASANYA Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dizahirkan seperti yang berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dan segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara” [Garisian ditambah].

(Malaysia, 2021: 1-2)

Menurut Zailan Moris & Sh. Azad Sh. Attar (2007), perumusan dan pengenalan FPK ini telah menjadikan sistem pendidikan negara bergerak ke arah yang lebih sistematik menerusi pengungkapan secara jelas akan prinsip dan nilai asas pendidikan negara bermula dari peringkat paling awal sehingga ke peringkat tertinggi. Apa yang jelas, pernyataan FPK menjadi pancaran prinsip serta teras tunjang kepada segala aktiviti dan proses pendidikan negara secara keseluruhannya (Anwar Ibrahim, 1989; Ahmad Muhammad Said, 1991; Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990; Abu Bakar Nordin, 1993; Tajul Ariffin Nordin, 1993a 1993b; Musa Dia, 1993; Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003; Sufean Hussin, 2008; Wan Mohd. Zahid Mohd Nordin, 2019).

Sungguh pun FPK menjadi matlamat dan tunjang kepada keseluruhan Sistem Pendidikan Kebangsaan, terdapat juga pernyataan falsafah pendidikan yang khusus dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi bidang atau mata pelajaran tertentu. Dalam konteks ini, antara mata pelajaran yang mempunyai falsafah pendidikannya yang tersendiri adalah mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) yang ditawarkan di peringkat pendidikan menengah (tingkatan empat dan tingkatan lima). Mata pelajaran KMK ini merupakan mata pelajaran pilihan (*elective*) yang telah mula ditawarkan sejak tahun 1957 lagi. Penting untuk diketahui bahawa sejak dari mula ditawarkan mata pelajaran KMK (dahulu dikenali sebagai Kesusasteraan Melayu), mata pelajaran ini tidak mempunyai falsafah pendidikannya yang tersendiri. Setelah hampir lebih daripada empat dekad dilaksanakan tanpa suatu pernyataan falsafah pendidikan yang khusus, KPM dilihat telah memulakan langkah awal dengan memperkenalkan suatu pernyataan falsafah pendidikan yang khusus bagi mata pelajaran KMK yang dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM). Pernyataan FPKM ini telah mula diperkenalkan secara rasmi pada tahun 2003 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003) dan berbunyi seperti berikut:

Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani, dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap ke arah pembinaan insan bestari.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003: xi)

Pernyataan FPKM ini terus diguna pakai sehingga kini dengan sedikit perubahan, dan perubahan ke atas pernyataan FPKM ini akan dibincangkan lebih lanjut nanti. Apa yang lebih penting untuk difahami pada tahap ini, kehadiran pernyataan FPKM dapat dianggap sebagai suatu langkah awal dan penting KPM dalam memperbaiki kualiti mata pelajaran KMK dan kehadiran pernyataan FPKM ini merupakan suatu perkara yang wajar diberikan perhatian dan diteliti.

Permasalahan Kajian

Sebagai tunjang kepada Sistem Pendidikan Kebangsaan di Malaysia, segala dasar dan aktiviti pendidikan yang dihasilkan perlulah selaras dan menepati dengan matlamat, hasrat serta aspirasi yang disasarkan dalam FPK. Dasar ini termaktub kepada segenap dimensi pendidikan termasuklah falsafah, kurikulum, kaedah, penilaian dan pentadbiran. Dengan pemahaman ini, adalah jelas bahawa pernyataan FPKM yang dijadikan sebagai falsafah yang menunjangi mata pelajaran KMK seharusnya selaras dan bertepatan dengan inti pati, matlamat dan aspirasi yang digariskan dalam FPK.

Walau bagaimana pun, Muhammad Zarif Hassan (2015) berpendapat pengenalan FPKM telah dan akan membangkitkan beberapa permasalahan khususnya dari sudut dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran KMK. Menurut Muhammad Zarif Hassan (2015), kehadiran dua pernyataan falsafah yang berbeza iaitu FPK dan FPKM secara serentak boleh mengelirukan guru-guru mata pelajaran KMK. Kekeliruan dalam konteks ini merujuk kepada soal keutamaan pencapaian matlamat pendidikan yang perlu diberikan memandangkan kedua-dua pernyataan falsafah tersebut mengandungi unsur, prinsip dan jangkauan wawasannya yang tersendiri. Tambahan pula, KPM tidak pernah menyatakan atau menjelaskan sejauh manakah hubungan antara kedua-dua pernyataan falsafah pendidikan ini, baik dari sudut matlamat, hasrat dan aspirasinya.

Selain itu, kehadiran FPKM ini juga telah dan akan membangkitkan permasalahan khususnya dalam konteks pemahaman guru-guru mata pelajaran KMK (Muhammad Zarif Hassan, 2015). Permasalahan ini berpunca dan berakar apabila sejak dari awal pengenalan FPKM sehingga kini, masih tiada dokumen rasmi dari pihak bertanggungjawab khususnya KPM, yang mentafsir atau menghuraikan pernyataan tersebut. Ironinya, ujar Muhammad Zarif Hassan (2015), pada suatu sisi, pihak KPM menyedari kepentingan untuk mewujudkan pernyataan FPKM, namun pada suatu sisi yang lain, KPM seolah-olah tidak mahu memikul tanggungjawab untuk mengemukakan tafsiran terhadap pernyataan FPKM yang telah diperkenalkan. Muhammad Zarif Hassan juga berpandangan bahawa permasalahan tidak sewajarnya berlaku dan dibiarkan berterusan memandangkan KPM mempunyai pengalaman dalam menyediakan tafsiran dan huraian yang lengkap ke atas FPK. Pasti-pastinya pengalaman dan kaedah yang sama dapat diusahakan ke atas pernyataan FPKM. Selain itu, setakat yang diketahui oleh pengkaji, sehingga kini masih tiada usaha yang dilakukan oleh para sarjana dalam menghuraikan pernyataan FPKM ini secara komprehensif, melainkan beberapa sarjana seperti Chew Fong Peng (2008) dan Naffi Mat (2009) yang hanya menyentuh sepintas lalu mengenainya. Dengan akar permasalahan yang dinyatakan, Muhammad Zarif Hassan (2015) berpendapat bahawa kehadiran pernyataan FPKM akan membuka ruang kepada kesilapan pemahaman. Ini kerana setiap guru akan mentafsir dan memahami pernyataan FPKM berdasarkan kapasiti intelektual dan latar pemahaman yang berbeza. Oleh itu, bukanlah suatu yang mustahil sekiranya pernyataan FPKM akhirnya difahami dan dihayati menerusi tafsiran yang sempit dan menyimpang dari makna yang sebenar.

Persoalan Kajian

Permasalahan kajian yang dijelaskan di atas pada dasarnya membangkitkan beberapa persoalan kajian yang perlu diberikan perhatian, antaranya:

1. Apakah matlamat utama yang mendasari Falsafah Pendidikan Kebangsaan?
2. Apakah matlamat utama yang mendasari Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu?
3. Adakah matlamat utama yang mendasari Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan?

Objektif Kajian

Berdasarkan Permasalahan Kajian dan Persoalan Kajian yang dibincangkan di atas, kajian ini menggariskan dua objektif, iaitu:

- 1) Mengetahui pasti matlamat yang mendasari Falsafah Pendidikan Kebangsaan;
- 2) Mengetahui pasti matlamat yang mendasari Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu;
- 3) Menganalisis kesejajaran Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Skop dan Batasan Kajian

Dalam usaha mencapai objektif dan merungkai permasalahan kajian, skop penelitian kajian ini hanya akan difokuskan kepada dua pernyataan falsafah pendidikan menjadi subjek kajian iaitu FPK dan FPKM. Penelitian kajian ini juga akan dipusatkan untuk meneliti kandungan dan inti pati kedua-dua pernyataan falsafah pendidikan tersebut, selain menganalisis hubungan kait antara FPKM dengan FPK. Oleh itu, tafsiran yang dinyatakan oleh KPM akan diteliti dan dimanfaatkan sepenuhnya memandangkan tafsiran KPM bersifat *authority-defined*. Yang dimaksudkan dengan *authority-defined* disini merujuk kepada idea, perbincangan, serta tafsiran yang dikemukakan oleh pihak yang berautoriti atau berkuasa (Shamsul Amri Baharuddin, 2007). Sungguh pun begitu, pandangan ilmiah dari beberapa sarjana yang telah membahaskan mengenai matlamat FPK turut akan dimanfaatkan bagi memastikan dapatan kajian menjadi lebih jelas dan tepat.

Seperti yang telah dijelaskan, pihak berautoriti iaitu KPM sehingga kini masih belum memberikan tafsiran dan penghuraian rasmi ke atas pernyataan FPKM. Oleh itu, sebagai suatu penelitian awal, analisis kajian ini berusaha untuk memahami inti pati FPKM menerusi pemahaman literal dan bukan sebaliknya. Ini bermakna perbincangan mengenai matlamat yang mendasari FPKM dibataskan semata-mata melalui pengertian harfiah yang terdapat dari kamus yang relevan. Oleh itu, tafsiran yang menyeluruh terhadap keseluruhan unsur atau konsep yang mendasari pernyataan FPKM juga tidak akan ditangani dalam kajian ini.

ANALISIS, DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bagi memenuhi Objektif Kajian yang telah digariskan dan memastikan perbincangan analisis pada bahagian ini menjadi lebih licin dan rapi, bahagian ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu [1] Matlamat Utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan; [2] Matlamat Utama Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu; [3] Kesejajaran Matlamat Utama Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Matlamat Utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Sebelum tahun 1998, sistem pendidikan negara masih belum didasari oleh suatu pernyataan falsafah pendidikan yang khusus. Dengan kesedaran dan keperluan sistem pendidikan negara mempunyai suatu matlamat yang jelas, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merumus dan memperkenalkan suatu falsafah pendidikan yang baharu yang dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998; Wan Mohd Zahid Wan Nordin, 2019). Dalam usaha memantapkan Falsafah Pendidikan Negara, pindaan kecil telah dilakukan dan nama Falsafah Pendidikan Negara telah diubah kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003; Wan Zahid Wan Nordin, 2019). Kini, berdasarkan Undang-Undang Malaysia menerusi Akta Pendidikan 1996, pernyataan FPK yang dijadikan sebagai rujukan asas kepada keseluruhan Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah seperti berikut:

DAN BAHAWASANYA Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dizahirkan seperti yang berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dan segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

(Malaysia, 2021: 1-2)

Penetapan FPK sebagai rujukan asas kepada pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan ini turut memberi kesan terhadap penetapan matlamat pendidikan negara dalam sistem pendidikan kebangsaan yang lebih jelas dan terarah. Usaha yang signifikan ini penting bagi memastikan sistem pendidikan kebangsaan tidak lagi diganggu-gugat atau dipengaruhi oleh pelbagai anasir atau pemboleh ubah luaran seperti politik dan kepimpinan, ekonomi, kebudayaan, sosial, dan teknologi, yang berupaya merencatkan, dan sekali gus

menggagalkan matlamat pendidikan negara (Rosnani Hashim, 1996; Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003).

Perumusan dan pengenalan FPK oleh KPM ini bukan sahaja mempunyai matlamat dan unsur-unsur penting tetapi turut mempunyai paksinya yang tersendiri. Seperti yang diperakukan oleh KPM, usaha untuk mengembangkan potensi setiap individu secara bersepadu atau pembangunan insan menerusi pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia perlu dipasakkan kepada suatu paksi yang kukuh iaitu “prinsip Ketuhanan” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992: 11). Menerusi FPK, “prinsip Ketuhanan” ini dimanifestasikan secara konkrit menerusi frasa “kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan”. Menurut Mohd Nur Manuty (1990: 114), penggunaan frasa “Kepercayaan dan Kepatuhan kepada Tuhan” dan bukannya “Allah SWT” sama sekali tidak menafikan Keesaan Allah SWT dalam kalangan penganutnya khususnya umat Islam, akan tetapi merupakan alternatif atas faktor kemajmukan masyarakat dan kaum di Malaysia yang berbilang bangsa, agama, dan kepercayaan. Apa yang jelas, “prinsip Ketuhanan” inilah yang menjadi paksi sekali gus matlamat yang perlu dicapai dalam sistem pendidikan negara.

Berteraskan kepada “prinsip Ketuhanan”, KPM turut melakarkan matlamat pendidikan negara yang berbunyi seperti berikut:

Matlamat pendidikan [berasaskan FPK] ialah untuk melahirkan insan yang baik dan sempurna. Insan yang baik memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu. Ini bermakna ia dapat memenuhi tuntutan-tuntutan rohani dan jasmani secara wajar dan mencukupi. Ia melihat bahawa segala aktiviti hidupnya tidak terpisah dari aktiviti agama. Perkara utama yang menentukan bahawa seluruh kehidupan manusia sentiasa terkawal, tetap dan tidak terapung-apung ialah kepercayaan dan keyakinan mereka kepada Tuhan. Prinsip ketuhanan akan menjadi paksi dalam kehidupan mereka.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990: 35)

Berdasarkan kenyataan dan perakuan KPM di atas, adalah jelas bahawa matlamat pendidikan negara berasaskan FPK adalah untuk “melahirkan insan yang baik”. Ini bermakna segala proses serta aktiviti pendidikan yang dilaksanakan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, termasuklah mata pelajaran.

Penetapan matlamat pendidikan negara yang KPM di atas jelas menyerlahkan pemahaman bahawa segala proses serta aktiviti pendidikan untuk “melahirkan insan yang baik” tidak dapat dipisahkan sama sekali daripada tuntutan kehidupan beragama yang bertunjangkan kepercayaan, keyakinan, serta kepatuhan kepada Tuhan. Matlamat ini antara lain bertujuan untuk melahirkan individu yang mempunyai ciri dan prinsip keagamaan yang utuh dalam melahirkan keperibadian insan kamil (Hussein Haji Ahmad, 1991; Wan Mohd. Zahid Mohd Nordin, 1991; Tajul Ariffin Noordin, 1993a; Mohd. Salleh Lebar, 1996).

Usaha KPM menetapkan bahawa matlamat pendidikan negara berpaksikan FPK untuk “melahirkan insan yang baik” telah menjadi perbincangan para sarjana antaranya ialah Wan Mohd. Nor Wan Daud (2022) di dalam makalahnya bertajuk “Insan Baik Teras Kewarganegaraan”. Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud, matlamat untuk melahirkan insan yang baik ini sememangnya signifikan, khususnya dalam menghadapi arus pasca moden yang begitu mencabar. Dalam menghuraikan konsep “insan yang baik”, beliau menghubungkaitkan takrifannya dengan konsep “insan adabi” iaitu insan yang beradab. Konsep “insan yang baik” persis “insan beradab” menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud telah mula diutarakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam banyak tulisannya. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001: 43), konsep “insan adabi” itu dapat difahami seperti dalam petikan berikut:

Dari segi pandangan Islām, manusia yang baik ini ialah manusia yang insaf akan tanggungjawab dirinya kepada Tuhannya yang Hak; manusia yang memahami serta menyelenggarakan penunaian keadilan terhadap dirinya dan diri-diri lain dalam masyarakatnya; manusia yang dalam serba-serbi tingkah-lakunya sentiasa mengasuh dirinya menuju ke arah kesempurnaan sebagai insan adabi...

(al-Attas, 2001: 43)

Tidak hanya tertakluk kepada pemahaman di atas, Wan Mohd. Nor Wan Daud (2022) juga menjelaskan bahawa “insan yang baik” itu merupakan insan yang beragama kerana hanya insan yang beragama (Islam) sahaja akan dapat mencapai potensi penciptaan (fitrah) dirinya. Selain itu, Wan Mohd. Nor Wan Daud (2022) turut menegaskan bahawa “insan yang baik” itu bukan sahaja insan yang berilmu, tetapi mampu menguasai ilmu baru tanpa mengorbankan dasar agama, akhlak dan kebudayaan. Dengan kapasiti tersebut, “insan yang baik” yang berilmu dan beradab akan mempunyai kesedaran bahawa dirinya perlu menguasai ilmu tertentu bagi menjalankan amanah dan kewajibannya kepada Pencipta, keluarga, serta masyarakat. Lebih terperinci lagi,

“insan yang baik” yakni yang berilmu dan beradab sebagaimana yang ditegaskan oleh Wan Mohd. Nor Wan Daud (2022), adalah seperti berikut:

Insan baik semestinya berilmu berupaya mengenali dan meletakkan setiap sesuatu, seseorang dan perkara di tempatnya masing-masing, dalam neraca akalinya, dalam amalannya di peringkat peribadi dan di peringkat institusi tempatan, negara dan antarabangsa. Insan baik tidak meletakkan sesuatu atau perkara kurang atau melampaui batasnya yang wajar dalam akal dan amalannya, tidak juga memperbesarkan yang kecil, atau mengecilkan dan mengeneipikan yang besar dan utama; tidak akan membelakangkan kepentingan akal dan rohani dan mengutamakan kepentingan jasadi dan ekonomi. Dia tidak akan berlaku bodoh (*humq*), yakni menggunakan tatacara yang salah bagi mencapai tujuan yang hak; apatah lagi kehilangan akal (*junun*) apabila menghabiskan umur dan tenaga kerana mengejar tujuan yang salah (*batil*) dan *superficial*. Berpandukan ilmu dan iman, dia akan sentiasa optimis, sederhana dan berani dalam fikiran dan kepelbagaian yang memang mengelirukan, malah dia berupaya menyuburkan jatidirinya dan memperkayakan sumbangannya di lapangan yang lebih luas.

(Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2022: 349-350)

Pada tahap ini, adalah jelas bahawa peranan keagamaan yang meneguhkan paksi FPK menjadi aspek paling dasar dan penting, yang mana tidak boleh dipisahkan sama sekali dalam segala aktiviti pendidikan bagi memastikan matlamat pendidikan negara untuk melahirkan “insan yang baik” dapat dicapai. Justeru, dalam usaha merealisasikan matlamat pendidikan negara ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (1990: 8-9), turut menggariskan beberapa ciri “insan yang baik” seperti yang diharapkan dapat dilahirkan menerusi sistem pendidikan negara yang berteraskan FPK:

1. percaya dan patuh kepada Tuhan;
2. berilmu pengetahuan,
3. berketerampilan;
4. berakhlak mulia;
5. bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama, bangsa, dan negara;
6. berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat, agama, bangsa, dan negara;
7. memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu.

Selanjutnya, melihat kepada perkembangan semasa, sebagaimana yang tercatat dalam *Dasar Pendidikan Kebangsaan*, Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) menegaskan antara matlamat pendidikan negara bertunjangan kepada FPK adalah untuk “melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera”. Dalam erti kata lain, rumusan ciri-ciri “insan yang baik” yang diharapkan dapat dilahirkan menerusi sistem pendidikan negara yang berteraskan FPK yang terkini adalah seperti berikut:

1. Beriman;
2. Berakhlak mulia;
3. Berilmu;
4. Berketerampilan;
5. Sejahtera.

Bagi memastikan matlamat utama yang dihasratkan dalam FPK itu menjadi lebih jelas, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengemukakan kriteria yang mendasari setiap ciri-ciri yang dinyatakan di atas. Huraian lengkap kriteria terhadap ciri-ciri tersebut dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah:

JADUAL 1
Kriteria Ciri-ciri Insan yang Baik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990: 13-16)

Ciri-Ciri Insan yang Baik	Kriteria
Beriman (Percaya dan Patuh kepada Tuhan)	<ul style="list-style-type: none"> • mengakui tentang wujudnya Pencipta; • mengakui bahawa manusia dan alam tidak terjadi dengan sendiri tetapi dijadikan oleh Pencipta; • mengetahui bahawa hukum dan fenomena alam merupakan peraturan yang ditetapkan oleh Pencipta; • menyedari bahawa manusia dijadikan untuk memakmurkan alam; • menyedari bahawa manusia bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perbuatannya;

	<ul style="list-style-type: none"> • sentiasa berusaha untuk meningkat dan mengukuhkan kepercayaan beragama; • sentiasa berusaha untuk mengikuti dan mengamalkan segala ajaran agama; dan • sentiasa berusaha untuk melakukan kebaikan dan menghindari kejahatan.
Berakhlak Mulia	<ul style="list-style-type: none"> • mempunyai pengetahuan tentang nilai-nilai baik dan buruk; • mempunyai kesedaran tentang kesan daripada perbuatan yang baik dan buruk; • mempunyai keyakinan terhadap nilai-nilai murni; • mengamalkan perlakuan yang baik dan menghindari perlakuan yang buruk; dan • menghayati segala nilai murni yang merangkumi nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan.
Berilmu	<ul style="list-style-type: none"> • mencintai ilmu pengetahuan; • gemar membaca; • sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan; • mempunyai fikiran yang luas dan terbuka; • meningkat dan menyebarkan ilmu; • memanfaatkan ilmu untuk kebajikan diri sendiri dan orang lain.
Berketerampilan	<ul style="list-style-type: none"> • memiliki pengetahuan dan kelayakan yang sesuai dengan sesuatu tugas; • mempunyai kemahiran dalam menjalankan sesuatu tugas; • dapat melaksanakan tugas dengan cekap, tangkas dan sempurna.
Sejahtera	<ul style="list-style-type: none"> • mempunyai fikiran yang waras, jiwa yang tenang dan badan yang sihat; • mempunyai daya ketahanan diri yang kuat untuk menghadapi segala cabaran hidup; dan • sentiasa dapat mewujudkan perhubungan yang baik di antara diri dengan orang lain.

Berdasarkan analisis di atas, dapatlah ditegaskan semula bahawa matlamat utama pendidikan negara yang bertunjangkan FPK adalah untuk melahirkan “insan yang baik”. Setelah mengenal pasti matlamat utama yang mendasari FPK, perbincangan selanjutnya akan difokuskan pula kepada penelitian matlamat utama yang mendasari FPKM.

Matlamat Utama Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu

Pada tahun 2003, pernyataan FPKM telah mula diperkenalkan secara rasmi oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (kini dikenali sebagai Bahagian Perkembangan Kurikulum) KPM selaras dengan pengenalan *SPKM KBSM 2003*. Walau bagaimanapun, pengkaji mengenal pasti bahawa pernyataan FPKM telah mengalami semakan semula dan diubahsuai dengan sedikit penambahan. Perubahan ini dapat dikesan setelah Bahagian Perkembangan Kurikulum KPM mengusulkan *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Kurikulum Standard Sekolah Menengah Kesusasteraan Melayu (DSKP KMK KSSM 2020)* bagi menggantikan *SPKM KBSM 2003*. Pengubahsuaian ini memperlihatkan penambahan frasa “berdaya saing” dalam pernyataan FPKM yang baharu. Kedua-dua pernyataan FPKM ini dapat dilihat seperti berikut:

Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani, dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap ke arah pembinaan insan bestari.
(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003: xi)

Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani, dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah pembinaan insan bestari [Garis ditambah].
(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018: vii)

Berdasarkan pernyataan FPKM di atas, analisis mendapati matlamat utama yang mendasari pernyataan FPKM tidak berubah dan masih sebagaimana yang tercatat dalam pernyataan FPKM yang terkini. Adalah jelas bahawa matlamat utama yang dihasratkan melalui perumusan FPKM ialah untuk membina “insan bestari”.

Memandangkan pihak bertanggungjawab masih belum mengusulkan takrifan dan tafsiran terhadap konsep “insan bestari” ini, maka adalah wajar konsep ini difahami secara umum terlebih dahulu. Oleh itu, pengertian harfiah konsep “bestari” ini menampung maksud “cerdas, pandai, berpendidikan, berpengetahuan, berbudi pekerti yang baik” (*Kamus Dewan*, 2005: 175). Pengertian “bestari” ini pada dasarnya ditakrifkan menerusi dua ciri penting iaitu:

1. Cerdas, pandai, berpendidikan, berpengetahuan
2. Berbudi pekerti yang baik

Ciri yang pertama yang mendasari pengertian “bestari” iaitu “cerdas, pandai, berpendidikan, berpengetahuan” ini dapat dirumuskan sebagai “berilmu”. Manakala ciri yang kedua yang mendasari pengertian “bestari” pula iaitu “berbudi pekerti yang baik” pula dapat dirumuskan sebagai “berakhlak mulia”. Atas pemahaman secara literal ini, konsep “insan bestari” dapat dirujuk sebagai “insan yang berilmu dan berakhlak mulia”. Oleh itu, matlamat dasar pelaksanaan mata pelajaran KMK berteraskan FPKM adalah untuk membina atau melahirkan “insan yang berilmu dan berakhlak mulia” yakni “insan bestari”.

Pemahaman mengenai matlamat utama FPKM untuk melahirkan “insan bestari” ini juga berhubung kait secara langsung dengan unsur-unsur penting yang terkandung dalam FPKM. Analisis mengenal pasti terdapat enam unsur penting yang mendasari pernyataan FPKM setelah penambahan unsur pemupukan “sikap berdaya saing” seperti yang telah dijelaskan di atas. Keenam-enam konsep yang diberikan penekanan dalam mencapai matlamat membina atau melahirkan “insan bestari” menerusi FPKM ialah:

1. Menjana minda;
2. Menjana rohani;
3. Menjana emosi;
4. Pengukuhan jati diri;
5. Penyuburan budaya bangsa;
6. Pemupukan sikap berdaya saing.

Pemahaman berkaitan hubung kait antara matlamat dan konsep penting yang mendasari FPKM ini dapat dilihat menerusi Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Matlamat Utama dan Unsur-unsur Penting yang Mendasari Pernyataan FPKM

Memang tidak dinafikan bahawa kesemua unsur-unsur penting yang mendasari pernyataan FPKM ini memerlukan kepada huraian dan tafsiran yang jelas. Namun, perkara ini masih lagi tidak diberikan perhatian yang serius daripada pihak yang bertanggungjawab. Usaha pentafsiran dan penghuraian terhadap pernyataan FPKM ini sememangnya signifikan untuk diusahakan oleh KPM secepat mungkin. Sebagaimana yang pernah dihujahkan oleh Wan Mohd. Nor Wan Daud (2022), perumusan sesuatu pernyataan falsafah pendidikan

hanyalah merupakan langkah awal bagi menetapkan matlamat tertentu, akan tetapi langkah yang lebih signifikan untuk diusahakan adalah penghuraian yang jelas dan benar terhadap intipati pernyataan falsafah tersebut.

Perbincangan pada tahap ini telah berusaha untuk mengenal pasti matlamat utama yang mendasari pernyataan FPK dan FPKM. Sehubungan itu, perbincangan selanjutnya akan difokuskan kepada analisis kesejajaran matlamat dan konsep penting FPKM dengan FPK.

Kesejajaran Matlamat Utama Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Berdasarkan dapatan kajian mengenai matlamat dan unsur penting FPK dan FPKM di atas, sememangnya terdapat kesejajaran antara FPKM dengan FPK dari sudut matlamat kedua-dua pernyataan tersebut. Kejeleketan hubungan FPKM dengan FPK dapat dilihat melalui pertalian konseptual sebagaimana yang dapat dilihat dalam Jadual 2 di bawah:

JADUAL 2

Matlamat Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

	Falsafah Pendidikan Kebangsaan	Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu
Matlamat	Melahirkan insan yang baik <ul style="list-style-type: none"> • Beriman • Berakhlak mulia • Berilmu • Berketerampilan • Sejahtera 	Melahirkan insan bestari <ul style="list-style-type: none"> • Berilmu • Berakhlak mulia
Persamaan	<ul style="list-style-type: none"> • Berilmu • Berakhlak mulia 	

Berdasarkan Jadual 2 di atas, keselarian atau keselarasan antara matlamat FPKM dengan FPK dipertalikan hanya menerusi dua ciri penting iaitu berilmu dan berakhlak mulia. Kesejajaran ini membuktikan bahawa aspek ilmu dan akhlak mulia menjadi matlamat penting dan diberikan keutamaan sepanjang pelaksanaan mata pelajaran KMK. Ini bagi memastikan hasrat dan aspirasi negara yang terakam dalam FPK dapat dicapai.

Penting untuk dijelaskan, walaupun konsep insan yang berilmu dan berakhlak mulia (insan bestari) yang dijadikan sebagai matlamat FPKM belum diuraikan oleh KPM, namun pemahaman mengenainya masih dapat disandarkan kepada huraian dan tafsiran KPM ke atas pernyataan FPK. Sandaran penghuraian ini dapat disifatkan sebagai suatu yang organik memandangkan konsep “berilmu” dan “berakhlak mulia” ini wujud dalam kedua-dua pernyataan. Dalam konteks ini, KPM telah menyatakan ciri-ciri individu atau rakyat yang berilmu dan berakhlak mulia, sebagaimana yang dapat dilihat dalam Jadual 3 di bawah:

JADUAL 3

Ciri-ciri Insan Berilmu dan Berakhlak Mulia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001: 11)

Konsep	Ciri-ciri
Berilmu (Pengetahuan)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mencintai ilmu pengetahuan; 2. Gemar membaca; 3. Sentiasa menambah ilmu pengetahuan; 4. Meningkatkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan; 5. Berfikiran luas dan terbuka; 6. Memanfaatkan ilmu untuk kebajikan diri dan orang lain.
Berakhlak Mulia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengetahui nilai baik dan buruk; 2. Menyedari kesan daripada perbuatan baik dan buruk; 3. Yakin terhadap nilai-nilai murni; 4. Mengamalkan perlakuan baik dan menghindari perlakuan buruk; 5. Menghayati nilai kerohanian, kemanusiaan, dan kewarganegaraan.

Sungguh berlaku kesejajaran dari sudut matlamat utama antara FPKM dengan FPK, akan tetapi analisis kajian ini juga mendapati bahawa kesejajaran ini tidak berlaku secara menyeluruh. Kekurangan atau kelemahan ini dapat dilihat apabila matlamat FPKM untuk membina “insan bestari” tidak dihubungkan dengan prinsip paling dasar iaitu “prinsip Ketuhanan” yang menjadi paksi kepada FPK. Ketiadaan penekanan terhadap prinsip dasar ini memberikan implikasi yang besar dan cukup signifikan, khususnya dalam usaha mencapai matlamat FPK sebagai matlamat makro dalam sistem pendidikan negara.

Perlu ditegaskan di sini bahawa pertalian antara agama dan kesusasteraan Melayu, khususnya agama Islam, sememangnya signifikan dan tidak mungkin dapat dipisahkan. Hal ini dapat dibuktikan melalui penelitian dan hujahan Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1972) yang menjelaskan bahawa kegiatan kesusasteraan Melayu telah berkembang dengan maju pada abad 16 dan 17 Masihi melalui kemasukan Islam ke alam Melayu yang memberikan pengenalan terhadap pengajaran Tauhid. Tegasnya, dengan pengenalan konsep Tauhid, lapangan kesusasteraan Melayu yang dahulunya didasari oleh soal mitos, tahayul, dongeng serta khurafat pada zaman pra-Islam, telah beralih ke arah corak kegiatan persuratan Melayu menjadi kegiatan bersifat falsafah, metafizik serta teologi kerana meneroka bidang-bidang ilmu seperti ilmu mantiq, ilmu tasawuf dan ilmu kalam yang menuntut kepada daya intelektual, rasional, rohani serta spiritual yang tinggi. Malah hal yang sama turut diakui oleh Braginsky (1994) yang menjelaskan bahawa pengaruh Islam dalam sistem sastera Melayu klasik amat signifikan. Sistem sastera Melayu klasik dijelaskan sangat rapat hubungannya dengan konsep Tauhid sehinggakan sistem yang menyerupai beberapa lingkaran konsentrik melingkari satu pusat “iaitu Al-Quran dan hadis-hadis Nabi Muhammad S.A.W” (Braginsky, 1994: 1). Sehubungan itu, adalah wajar sekiranya pernyataan FPKM ini diperbaiki dan dirumuskan kembali dengan menyatakan secara jelas “prinsip Ketuhanan” dalam FPK bagi memastikan pelaksanaan mata pelajaran KMK dalam sistem pendidikan negara menepati semula matlamat FPK. Ini kerana pengintegrasian prinsip kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan dalam lapangan pendidikan seperti bidang sains, kemanusiaan termasuk kesusasteraan Melayu, dan kemasyarakatan, dianggap oleh Mohd. Kamal Hassan (1988: 116) sebagai “faktor penghalang kepada pertumbuhan sikap-sikap atheistik, agnostik, sinis, materialistik dan kemanusiaan sekular (*secular humanism*).”

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini berupaya untuk mengenal pasti matlamat utama yang mendasari pernyataan FPK dan FPKM. Hasil analisis menunjukkan bahawa matlamat utama FPK adalah untuk “melahirkan insan yang baik” iaitu insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan, dan sejahtera. Manakala matlamat utama yang didasarkan dalam FPKM pula adalah untuk melahirkan atau membina “insan bestari” iaitu insan yang “berilmu dan berakhlak mulia”. Hasil analisis juga menunjukkan berlaku kesejajaran antara matlamat FPKM dengan FPK, khususnya pada dua ciri yang dominan iaitu berilmu dan berakhlak mulia. Walau bagaimanapun, kesejajaran ini tidak berlaku secara menyeluruh. Ini kerana “prinsip Ketuhanan” yang merupakan paksi FPK tidak dijadikan sebagai antara dasar penting dalam FPKM. Ketiadaan penekanan terhadap prinsip dasar ini memberikan implikasi yang besar dan cukup signifikan, khususnya dalam usaha mencapai matlamat FPK sebagai matlamat makro dalam sistem pendidikan negara. Oleh itu, adalah diharapkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dapat merumuskan semula pernyataan FPKM dengan menjadi “prinsip Ketuhanan” sebagai antara unsur terpenting dalam FPKM bagi memastikan pelaksanaan mata pelajaran KMK dilaksanakan selari dengan hasrat dan aspirasi FPKM dan FPK.

RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. (2003). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Abu Bakar Nordin. (1993). Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Dalam. Adnan Kamis (Pyt.) *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Muhammad Said. (1991). Reformasi Pendidikan: Rasional, Falsafah dan Strategi. Dalam Mohd. Idris Jauzi (Pyt.), Reformasi Pendidikan Di Malaysia (hlm. 1-16). Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought And Civilization (ISTAC).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anwar Ibrahim. (1989). *Menangani Perubahan*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Braginsky, V.I. (1994). *Nada-nada Islam dalam Sastera Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussein Haji Ahmad. (1991). Pendidikan di Malaysia: Suatu Tinjauan Kronologis. Dalam Mohd. Idris Jauzi (Pyt.) Reformasi Pendidikan di Malaysia (hlm. 39-48). Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Kamus Dewan* (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Keempat.

- Malaysia. (2021). *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-peraturan & Kaedah-kaedah Terpilih (hingga 10hb Jun 2021)*. Kuala Lumpur: Internasional Law Book Service.
- Miller, E.D. (1984). *Question That Matter*. Mc Graw Hill Book Company, New York, 1984, hlm. 14, Edisi Kedua.
- Mohd. Kamal Hassan. (1988). *Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd. Nur Manuty. (1991). Falsafah Pendidikan Negara: Dilihat dari Perspektif Pendidikan Islam. Dalam Mohd. Idris Jauzi (Pyt.) *Reformasi Pendidikan di Malaysia* (hlm. 109-125). Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd. Salleh Lebar. (1996). *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Muhammad Zarif Hassan. (Jun 2015). Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu: Ayam Tak Patuk, Itik Tak Sudu. *Dewan Sastera*, 10-14.
- Ornstein, A.C. & Hunkins, F.P. (2004). *Curriculum: Foundations, Principles and Issues*. Boston: Allyn & Bacon. Edisi Keempat.
- Kamus Dewan* (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Keempat.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1990). *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan 4 dan 5 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Rosnani Hashim. (1996). *Educational Dualism in Malaysia: Implications for Theory and Practice*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Shamsul Amri Baharudin. (2007). *Budaya yang Tercabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sufean Hussin. (2008). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Kedua.
- Tajul Ariffin Noordin. (1993a). *Perspektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin. (1993b). Pendidikan Bersepadu: Konsep dan Falsafahnya dalam KBSM. Dalam. Adnan Kamis (Pyt.) *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (2022). Hubungan Falsafah dan Pendidikan di Malaysia. Dalam. Wan Mohd. Nor Wan Daud. *Himpunan Karya Pilihan* (hlm. 293-312). Kuala Lumpur: RZA-CASIS & HAKIM.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (2022). Insan Baik Teras Kewarganegaraan: Mengarah Ombak Kesejagatan dan Kepelbagaian. Dalam Wan Mohd. Nor Wan Daud. *Himpunan Karya Pilihan*. (hlm. 335-362). Kuala Lumpur: RZA-CASIS & HAKIM.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Sejarah dan Matlamat. Dalam Dzulkifli Abdul Razak & Rosnani Hashim (Pyt.) *Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020*, (hlm. 3-20). Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Zailan Moris & Sh. Azad Sh. Attar. (2007). Falsafah Pendidikan Tinggi di Malaysia Sejak Merdeka hingga Hari Ini. Dalam Zailan Moris (Pyt.) *50 Tahun Pembangunan Pendidikan Tinggi di Malaysia (1957-2007)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.